

08 JAN 1999

Mahathir-Ulung

MAHATHIR WIRA POLITIK YANG ULUNG, KATA PAKAR AUSTRALIA

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah seorang daripada pemimpin Asia yang ulung dan tokoh yang membangunkan Malaysia moden, menurut seorang penulis Australia dan pakar mengenai hal ehwal Asia, Michael Backman.

Ketika menulis dalam akhbar Financial Review hari ini, Blackman berkata kejayaan paling besar Dr Mahathir ialah hakikat bahawa ketika Malaysia menghadapi kegawatan ekonomi yang serius, negara tidak dilanda rusuhan seperti dialami Indonesia".

Blackman, yang menghasilkan buku "Asian Eclipse: Exposing the Dark Side of Business in Asia" yang akan diterbitkan oleh penerbit Jacaranda Wiley pada Mac menyebut bahawa kunci kejayaan Dr Mahathir ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"DEB dicap di Australia sebagai berunsurkan "perkauman" dan oleh itu ia ditolak," kata beliau.

"Memang ia berunsurkan kaum tetapi jika diminta memilih antara pembatasan ekonomi tertentu dan barang perniagaan dicuri, kedai dibakar dan anak perempuan mereka dirogol seperti di Indonesia, memang tidak sukar untuk kebanyakan masyarakat Cina Malaysia membuat pilihan.

Backman telah menghasilkan buku Overseas Chinese Business Networks in Asia" yang mendapat sanjungan tinggi dan buku itu disifatkan oleh majalah Fortune sebagai alternatif yang hebat bagi "Megatrends Asia" oleh John Naisbitt.

Menurut Beckman, Malaysia menangani hubungan antara kaumnya lebih baik daripada kebanyakan negara Eripah menanganinya walaupun semasa kedudukan ekonomi dalam keadaan ceria.

Mengenai bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Backman berkata selama tahun 16 menjadi pejuang yang lantang bersuara dalam politik Umno, "Anwar tiba-tiba menawarkan dirinya sebagai pejuang bagi reformasi pula.

"Barat, termasuk Naib Presiden Amerika Syarikat) Al Gore, tanpa banyak berfikir menyokong Anwar untuk menggerakkan peranan baru ini dan menonjolkannya sebagai satu kuasa kebaikan menentang kejahatan yang digambarkan sebagai Dr Mahathir.

"Dr Mahathir terkenal dengan kepintarannya seperti juga Anwar yang dikagumi kerana daya tarikannya -- dan tarikan itu mudah menambat perhatian dan persahabatan di Barat'.

"Tetapi tentulah lebih bijak untuk mengadili mereka melalui tindakan daripada kata-kata. Anwar telah menuduh Dr Mahathir mengamalkan kronisme tetapi dalam keadaan ini, ia mungkin diibaratkan seperti mereka yang tinggal dalam rumah-rumah kaca."

"Jika Dr Mahathir selalu membuat gesaan kepada masyarakat Melayu bertunjangkan identiti keMelayuan, Anwar pula membuat saranan kepada mereka berdasarkan pentas Islam.

Pada zaman awal perjuangannya, Anwar mempunyai hubungan yang rapat dengan pergerakan Islam di Indonesia, Pakistan dan Bangladesh. Pada awal 1980-an, beliau juga berkesempatan ke Iran untuk menemui pemimpin baru negara itu, Ayatollah Khomeini.

"Tetapi bolehkah harimau bintang menukar bintik-bintiknya? Tindakan Anwar memilih masjid-masjid di Kuala Lumpur sebagai pentas bagi kempen reformasinya sebelum dia ditahan menimbulkan andaian sebaliknya.

Backman berkata tindakan Anwar mirip puak Tories (Parti Konservatif) di

Britain yang melancarkan kempen mereka bagi kawasan-kawasan pilihan raya di Ireland Utara dari Gereja St Paul di London.

"Langkah Dr Mahathir memang tidak semuanya sempurna. Keberkesanan projek-projek penswastaaan dan dasarnya memang boleh dipersoalkan," kata Backman.

"Bagaimanapun, Malaysia telah membangun sebahai sebuah negara yang moden, harmoni dan tidak berunsurkan perkauman di bawah kepimpinannya.

"Beliau mungkin agresif dan tidak memiliki ciri-ciri memupuk perhubungan awam seperti dimiliki Anwar tetapi rakyat Malaysia bebas membuat keputusan untuk tidak memilihnya semasa mengundi pada pilihan raya umum akan datang jika mereka membuat pilihan itu.

"Yang jelas, memiliki sifat-sifat autokratik tidak semestinya menjadikan seseorang itu bersikap autokrat. Begitu juga, mempunyai daya tarikan tidak semestinya menjadikan seseorang itu bersifat demokrat."

-- BERNAMA

NDC sj FAZ